

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SEMBILAN

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI, AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI SEMBILAN

Fasal 2 Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Bagi tempoh 1 September 2022 hingga 31 Julai 2023, sebanyak empat LKAN bagi Negeri Sembilan telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sembilan seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI NEGERI SEMBILAN
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SEMBILAN BAGI TEMPOH
1 SEPTEMBER 2022 HINGGA 31 JULAI 2023

BIL.	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	TARIKH PEMBENTANGAN
1.	Pengurusan Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2020 Siri 1	25 November 2022
2.	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2021 Siri 1	
3.	Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri, Negeri Sembilan Tahun 2021	
4.	Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Sembilan Tahun 2021 Siri 2	19 April 2023

Sumber: Jabatan Audit Negara

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

2.1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) hendaklah bermesyuarat secara berkala untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam dengan membincangkan Laporan Ketua Audit Negara dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Bagi tempoh 1 Julai 2022 sehingga 30 Jun 2023, Jawatankuasa telah mengadakan satu mesyuarat iaitu pada 26 Mei 2023. Pada mesyuarat tersebut, Pengarah Audit Negeri Sembilan telah membentangkan kepada ahli Jawatankuasa enam kajian yang dilaporkan dalam LKAN mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2020 Siri 1, Tahun 2021 Siri 1 dan Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Sembilan Tahun 2021 Siri 2.

2.2. Jawatankuasa juga telah membincangkan mengenai kedudukan paparan AG's Dashboard bagi isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN berkaitan. Ringkasan perkara yang dibentangkan kepada Jawatankuasa semasa mesyuarat seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI BAGI TEMPOH
1 JULAI 2022 HINGGA 30 JUN 2023

TARIKH MESYUARAT	JABATAN/AGENCI/SYARIKAT NEGERI	PERKARA
26 Mei 2023	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 Siri 1	
	1. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan (PTGNS)	Pengurusan Bahan Batuan
	2. Yayasan Negeri Sembilan	YNS Management Sdn. Bhd.
	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 1	
	3. Menteri Besar Negeri Sembilan (Pemerbadanan)	Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.
	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2	
	4. - Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan - Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah - Pejabat Daerah dan Tanah Rembau - Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson	Pengurusan Tanah Rizab Melayu
	5. - Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan - Yayasan Negeri Sembilan - Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan	Pengurusan Pembangunan Hartanah Perumahan
	6. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan	Pembelian Bahan Api dan Aksesori Kenderaan

Sumber: Jabatan Audit Negara